

Ahad – 20 September 2020

Halaman : 38

John Kumbang fasih berbahasa Inggeris


JERANTUT: Hidup berpindah randah di dalam hutan dan tidak pernah bersekolah membuatkan seorang anggota masyarakat Orang Asli Batek di Taman Negara di sini, Kumbang Kopenk, 56, tidak pernah tahu membaca dan menulis.

Namun siapa sangka tanpa sebarang pendidikan formal dan hidup di dalam hutan, Kumbang fasih berbahasa Inggeris sehingga mengejutkan se-siapa sahaja yang mendengarnya bertutur.

Dia yang dikenali dengan panggilan John Kumbang menjadi Orang Asli Batek Taman Negara pertama menguasai dan bertutur bahasa Inggeris dengan baik selain fasih berbahasa Melayu.

Kumbang berkata, dia yang hidup berpindah randah dan berburu sejak kecil mula bercakap bahasa Inggeris ketika menjadi pemandu pelancong lebih 30 tahun lalu.

“Dunia saya adalah survival di hutan, ke mana keluarga pergi saya pun ikut berpindah mencari rezeki malah berbulan-bulan lamanya kemudian kembali semula ke



HASIL dorongan dan tunjuk ajar John Kumbang, generasi baharu Orang Asli Batek mula menjadi pemandu pelancong dan belajar bahasa Inggeris.

Kuala Tahan. Saya tidak kenal seragam sekolah, buku, pensel, beg dan kasut apatah lagi membaca, menulis serta mengira.

“Sehingga tergerak di hati saya apabila diajak oleh rakan orang Melayu di Kuala Tahan menjadi pemandu pelancong kerana mereka tahu saya mem-

punyai kebolehan dan kemahiran survival di hutan, sungai dan mendaki Gunung Tahan serta mengenali pelbagai jenis flora dan spesies fauna,” katanya di Kampung Tabung di sini baru-baru ini.

Bapa kepada enam anak berusia antara lapan tahun hingga 35 tahun itu berkata, cabaran pertama dihadapinya sebagai pemandu pelancong ialah penguasaan bahasa Inggeris ketika membawa pelancong dari Eropah yang kebanyakannya bertutur dalam bahasa berkenaan.

“Pergaulan saya dengan pelancong negara Eropah dan Amerika lebih kerap ketika sebagai ‘guide’ ke semua destinasi taman ini yang mula menanam minat saya untuk menguasai bahasa Inggeris.

“Lagipun pelancong Barat tidak lokek mengajar saya menguasai sebutan sehingga lancar ditambah pula minat untuk mempelajari bahasa Inggeris. Saya melihat dan mendengar ‘mat salleh’ bercakap dan kemudian bertutur semula antara tip mempercepatkan saya menguasainya,” katanya.